

Berita

SMU bina bangunan baru sebagai hab pupuk semangat inovasi

Dinamakan Tahir Foundation Connexion, projek bernilai \$70 juta itu dinamakan sebagai menghargai sumbangan Yayasan Tahir

UNIVERSITI Pengurusan Singapura (SMU) bakal mempunyai sebuah bangunan baru lima tingkat yang bertujuan menyokong pedagogi SMU-X serta mempuak inovasi dan keusahawanan.

Majlis pecah tanah bagi projek pembangunan terbarunya yang menelan belanja \$70 juta itu telah diadakan semalam.

Bangunan yang bakal dibina itu dinamakan Tahir Foundation Connexion, sebagai menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh Yayasan Tahir.

Jumlah sumbangan tersebut, yang tidak didedahkan, merupakan yang kedua terbesar yang pernah diterima universiti itu.

Jumlah sumbangan terbesar yang pernah diterima SMU ialah \$50 juta yang diberikan Yayasan Lee bagi pembangunan Sekolah Perniagaan Lee Kong Chian SMU, kata ketua Y努

Hadir di acara pecah tanah di SMU semalam sebagai tetamu terhormat, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Menteri Kedua Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee, berkata:

"Bangunan baru ini menjanji persekutuan pembelajaran dinamik, mencerminkan semangat inovasi dan etos kerjasama anda (SMU)."

"Bangunan baru ini juga akan membuka 24 jam setiap hari dan menambah kepada kerancakan kawasan Bras Basah."

Beberapa bahagian serta kemudahan bangunan itu juga akan dibuka 24 jam setiap hari dan menambah kepada kerancakan kawasan Bras Basah.

Selain menambahkan kemudahan bagi pelajar dan kakitangan SMU, bangunan tersebut juga boleh memberi manfaat kepada orang ramai yang akan lebih mudah mengakses ke Taman Fort Canning.

Sejauh mana pun beliau 'terbang tinggi' untuk menuntut ilmu, hati dan naturi Encik Muhammad Naufal Zahin Azmi tetap terpacak di tanah kelahirannya, Singapura.

Penuntut Sarjana Muda dalam jurusan politik itu berniat menyumbang kembali kepada masyarakat setelah tamat pengajiannya di King's College London di Britain.

"Saya ingin melibatkan diri dalam kegiatan masyarakat Singapura dan membantu menjalankan hubungan di antara mereka," ujar mahasiswa tahun kedua itu.

Berusia 22 tahun, beliau adalah antara penerima biasiswa Persatuan Rakyat (PA).

Dengan biasiswa ini, Encik Zahin mendapat biaya belajar di luar negara dan ini merupakan pencapaian dalam hidupnya.

Biasiswa PA itu bertujuan mengiktiraf individu yang mempunyai minat menabur bakti kepada masyarakat di samping kecemerlangan yang dicapai dalam pembelajaran mereka.

Antara kegiatan dalam menyumbang balik kepada masyarakat yang dilakukan beliau adalah ketika menuntut di Maktab Rendah Victoria.

Beliau serta rakan-rakannya di Persatuan Budaya Melayu menjual kuah Hari Raya, dan menggunakan dana yang diraih untuk disalurkan kepada sebuah rumah anak yatim.

Baru-baru ini, mahasiswa yang baru



MAJLIS PECAH TANAH: (Dari kiri) Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer; Pengurus Bersama Yayasan Tahir, Dato Sri Prof Dr Tahir; Encik Desmond Lee dan Pengurus SMU, Dr Ho Kwon Ping, semasa acara pecah tanah bagi bangunan Tahir Foundation Connexion di SMU semalam. – Foto SMU

gunan dan Pembinaan (BCA) serta standard antarabangsa Bangunan WELL.

Memberi ulasannya, Dato Sri Profesor Dr Tahir, pengurus bersama Yayasan Tahir, yang turut hadir di acara semalam berkata:

"Saya berbesar hati menjadi sebahagian daripada usaha yang dekat di hati saya."

"Pendidikan merupakan asas kepada kehidupan yang lebih baik dan ia memberi saya kegembiraan dapat membantu meletak-

kan asas kepada apa yang saya percaya bakal menjadi hab luar biasa bagi pengalaman pelajar."

Dato Sri Dr Tahir sering disenaraikan sebagai antara orang terkaya di Indonesia oleh syarikat penerbitan termasuk Forbes.

Bertekad sumbang kembali kepada masyarakat

Penerima Biasiswa Persatuan Rakyat yang kini belajar di King's College London tetapkan niat kembali untuk berbakti

► NUR HUMAIRA SAJAT
nhumaira@sph.com.sg

HUJAN emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Lebih baik negeri sendiri.

Sejauh mana pun beliau 'terbang tinggi' untuk menuntut ilmu, hati dan naturi Encik Muhammad Naufal Zahin Azmi tetap terpacak di tanah kelahirannya, Singapura.

Penuntut Sarjana Muda dalam jurusan politik itu berniat menyumbang kembali kepada masyarakat setelah tamat pengajiannya di King's College London di Britain.

"Saya ingin melibatkan diri dalam kegiatan masyarakat Singapura dan membantu menjalankan hubungan di antara mereka," ujar mahasiswa tahun kedua itu.

Berusia 22 tahun, beliau adalah antara penerima biasiswa Persatuan Rakyat (PA).

Dengan biasiswa ini, Encik Zahin mendapat biaya belajar di luar negara dan ini merupakan pencapaian dalam hidupnya.

Biasiswa PA itu bertujuan mengiktiraf individu yang mempunyai minat menabur bakti kepada masyarakat di samping kecemerlangan yang dicapai dalam pembelajaran mereka.

Antara kegiatan dalam menyumbang balik kepada masyarakat yang dilakukan beliau adalah ketika menuntut di Maktab Rendah Victoria.

Beliau serta rakan-rakannya di Persatuan Budaya Melayu menjual kuah Hari Raya, dan menggunakan dana yang diraih untuk disalurkan kepada sebuah rumah anak yatim.

Baru-baru ini, mahasiswa yang baru

"Saya perlu berinteraksi dengan ramai individu yang berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat, lebih-lebih di peringkat antarabangsa. Ini mengasah kemahiran saya untuk berkomunikasi dengan orang lain."

– Encik Muhammad Naufal Zahin Azmi.

sahaja selesai tahun pertama itu pulang ke Singapura ketika cuti semester bagi menjalani latihan sambil belajar (internship) bersama PA di Pusat Masyarakat Pasir Ris Elias.

Pengalaman yang ditimbanya itu pada bulan Jun hingga Ogos lalu telah menguatkan lagi keinginannya untuk bekerja dalam perkhidmatan awam.

"Sebelum ini, saya tahu saya ingin bekerja dalam sektor perkhidmatan awam, tetapi tidak pasti pulak dalam sektor yang mana sesuai dengan saya," katanya sambil menyatakan kini, beliau tahu minatnya lebih kepada sektor sosial.

Meskipun beliau menimba ilmu di luar negara, pengalamannya itu boleh dibawa kembali dalam konteks Singapore untuk membantunya pada masa akan datang.

"Saya perlu berinteraksi dengan ramai individu yang berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat, lebih-lebih di peringkat antarabangsa. Ini mengasah kemahiran saya untuk berkomunikasi dengan orang lain," kata Encik Zahin.

Beliau menambah bahawa beliau bekerja bagaimana untuk berdikari dan di

samping itu, belajar bagaimana seseorang masyarakat berfungsi.

Encik Zahin, yang akan berangkat lagi ke London tidak lama lagi, berkata motivasi beliau merupakan keinginan untuk menjadi contoh dan inspirasi bagi mereka di sekellingnya.

Beliau malah buktikan bahawa anak Melayu Singapura seperti boleh berjaya.

Tidak hairanlah jiwa beliau tetap di sini kerana anak tunggal ini berkata ibu bapanya membekalkannya dengan meningkatkan kepentingan makan malam bersama.

Ikatan keluarganya yang rapat membolehkan mereka berkongsi tentang kegiatan harian masing-masing di samping nasihat-nasihat yang sering diberikan ibu bapanya.

Encik Zahin bercita-cita tinggi untuk berbakti kepada masyarakat dan justeru, nasihat ibu bapanya terngiang-ngiang di telinganya.

"Nasihat ibu bapa saya antaranya ialah, setiap kali kita melihat ke dalam perniagaan orang lain, tujuannya adalah untuk memastikan mereka ada nasi yang cukup, bukan untuk melihat jika mereka ada lebih," ujarnya.



MAHU MENYUMBANG KEMBALI: Encik Muhammad Naufal Zahin Azmi, penerima biasiswa Persatuan Rakyat (PA) yang kini menuntut di King's College London, berhasrat ingin melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan awam di Singapura setelah tamat pengajian nanti. – Foto PA

S'pura hos Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean ke-50

SINGAPURA akan menjadi hos bagi Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-50 serta mesyuarat berkaitan mulai hari ini hingga 1 September ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing, akan mempergerakkan mesyuarat-mesyuarat itu selaku Pengurus AEM 2018, menurut kenyataan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI) semalam.

Antara mesyuarat berkaitan termasuk Mesyuarat Majlis Kawasan Dagangan Bebas AEM-Asean (ATA) ke-32, Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan AEM-Asean ke-21, Mesyuarat Menteri Kerjasama Ekonomi Menyeluruh Serantau (RCEP) ke-6.

AEM akan juga mengadakan rundingan dengan sembilan rakan dialog Asean termasuk Australia, Ca-

nada, China, India, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Russia dan Amerika Syarikat.

"Dalam mesyuarat itu, para menteri akan membincangkan bagaimana mahu mendalami penyepadan ekonomi serantau di bawah Rangka kerja Masyarakat Ekonomi Asean (AEC) 2025 dan meneruskan tumpuan ekonomi yang dibentangkan Singapura sebagai pengurus Asean


tahun ini," ujar kenyataan itu.

Menteri-menteri dan 16 negara RCEP akan membincangkan usaha melaksanakan RCEP dalam Mesyuarat Menteri RCEP ke-6 Ahad ini.

Menteri dari negara Asean dan negara rakan dialog akan berteruk-tukar pandangan bagi kerjasama ekonomi ketika ini dan masa hadapan.

GOLDEN CHANCE

SAYA MENANG WANG TUNAI
\$1,000.00



PEMENANG WANG TUNAI \$1000/-
Puan. ZORIAH BTE OSMAN (tengah) bersama Keluarga dari Blk 498M, Tampines Street 45.

TUAH ANDA SIAPA YANG TAHU!



IKUTI KAMI DI
BeritaHarian.sg



Terlepas peluang tonton video terbitan BH?
[beritaharian.sg/
galeri-video](http://beritaharian.sg/galeri-video)